

**TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR UTeM PROFESOR DR. AHMAD
YUSOFF BIN HASSAN SEMPENA PERTANDINGAN IMAGINE
CUP 2009, BERTEMPAT DI SUNWAY PYRAMID CONVENTION
CENTRE, JAM 9.00 PAGI, DIRASMIKAN OLEH Y.B. DATO' SERI
MOHAMMED KHALED BIN NORDIN, MENTERI PENGAJIAN
TINGGI MALAYSIA.**

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM,

ASSALAMUALAIKUM WRT. WBT. DAN SALAM SEJAHTERA.

TERIMA KASIH DIUCAPKAN KEPADA SAUDARA PENGERUSI
MAJLIS,

YANG BERHORMAT DATO' SERI MOHAMED KHALED BIN
NORDIN, MENTERI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA

YANG BERBAHAGIA PN YASMIN MAHMOOD, PENGARAH
URUSAN, MICROSOFT MALAYSIA

[AKAN DIMAKLUMKAN KEMUDIAN]

YANG BERBAHAGIA NAIB-NAIB CANSELOR IPTA DAN IPTS

MENTOR-MENTOR, PARA PESERTA PERTANDINGAN DAN AHLI-AHLI JAWATANKUASA

SETERUSNYA HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

ALHAMDULILLAH, SAYA BERSYUKUR TERHADAP ALLAH SWT KERANA TELAH DIBERIKAN KEIZINAN UNTUK BERSAMA-SAMA PADA PAGI YANG BERBAHAGIA INI SEMPENA BERLANGSUNGNYA PERTANDINGAN IMAGINE CUP PERINGKAT KEBANGSAAN 2009.

SAYA MENGAMBIL KESEMPATANINI UNTUK MERAKAMKAN JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA YANG BERHORMAT DATO' SERI MOHD. KHALED BIN NORDIN, MENTERI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA, YANG TELAH SUDI HADIR MELUANGKAN MASA DALAM MAJLISINI DAN SETERUSNYA MENYEMPURNAKAN MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH KEPADA PEMENANG PERTANDINGAN IMAGINE CUP PERINGKAT KEBANGSAAN 2009.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI,

PENGANJURAN IMAGINE CUP PERINGKAT KEBANGSAAN 2009 INI ADALAH BERTUJUAN UNTUK MENENTUKAN WAKIL NEGARA BERTANDING DALAM PENGANJURAN IMAGINE CUP PERINGKAT ANTARABANGSA 2009 DI EGYPT PADA JULAI NANTI.

LEBIH DARIPADA ITU, SEBENARNYA PENGANJURAN PERTANDINGANINI IALAH UNTUK Mengilap POTENSI PARA

PELAJAR BAGI MENCETUS IDEA SERTA MENGASAH BAKAT MEREKA DALAM BIDANG TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT).

NEGARA MEMERLUKAN CETUSAN IDEA YANG KREATIF SERTA INOVATIF DARIPADA PARA PELAJAR UNIVERSITI SEBAGAI SATU PETUNJUK BAHAWA ILMU DAN KEMAHIRAN YANG DIPELAJARI OLEH MEREKA DI UNIVERSITI BERSEDIA MENJADIKANNYA PENYUMBANG KEPADA PEMBANGUNAN SAINS DAN TEKNOLOGI YANG DIPERLUKAN OLEH NEGARA.

PENGANJURAN IMAGINE CUP MERUPAKAN ASPIRASI SEMUA PIHK UNTUK MELIHAT BUDAYA PENYELIDIKAN DAN INOVASI DISEMAI DARIPADA PERINGKAT AWAL PENDIDIKAN DI UNIVERSITI LAGI MELIBATKAN GENERASI MUDA.

DANINI BERTEPATAN DENGAN MATLAMAT UNTUK MEMPERKASAKAN PENGAJIAN TINGGI NEGARA DALAM

BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI SEPERTI YANG DIGARISKAN DALAM PELAN TRANSFORMASI PENGAJIAN TINGGI.

MALAHAN PENGANJURAN IMAGINE CUPINI TELAH MEMBOLEHKAN PARA PELAJAR DIDEDEAHKAN DENGAN BUDAYA MENCETUSKAN PROJEK TEKNOLOGI YANG DIKEHENDAKI OLEH PASARAN DISAMPING MENYEMAI ELEMEN-ELEMEN KEINTELEKTUALAN DAN KEMAHIRAN INSANIAH.INI KERANA BAGI MENGHASILKAN PROJEK PADA PERINGKATINI MEREKA PERLU MENGUASAI KEMAHIRAN UNTUK BERFIKIR, BERHUJAH, BERKOMUNIKASI, MENDALAMI DAN MENUNTUT KEPADA PENCARIAN ILMU DALAM PELBAGAI PERSPEKTIF.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

SAYA JUGA MENGAMBIL KESEMPATANINI MENGUCAPKAN TERIMA KASIH DAN TAHNIAH KEPADA SEMUA PESERTA DARIPADA IPTA DAN IPTS SELURUH NEGARA YANG TELAH

TERLIBAT MENJAYAKAN PROGRAMINI. SUDAH TENTU BANYAK MASA DAN TENAGA TELAH DIKORBANKAN DARIPADA KALANGAN PELAJAR, MENTOR, YANG TERDIRI DARIPADA PARA PENSYARAH DAN PIHAK URUSETIA BAGI MENJAYAKAN PROGRAMINI.

UCAPAN TERIMA KASIH JUGA SAYA RAKAMKAN KEPADA PIHAK MICROSOFT MALAYSIA DAN MDeC ATAS KERJASAMA DAN PERKONGSIAN INFORMASI SEPANJANG BERLANGSUNGNYA PROGRAMINI. SEMOGA IKATAN KERJASAMA YANG TERBENTUKINI TERUSDI PERKUKUHKAN LAGI DENGAN PELBAGAI PROGRAM-PROGRAM LAIN.

AKHIR KATA, SAYA MERAKAMKAN JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA Y.B. DATO' SERI MOHAMED KHALED NORDIN, MENTERI PENGAJIAN TINGGI ATAS KEPERCAYAAN DAN SOKONGAN YANG BERTERUSAN UNTUK MEMASTIKAN PROGRAMINI BERLANGSUNG DENGAN JAYANYA. BEGITU BANYAK TENAGA, IDEA DAN SUMBANGAN DARI SEGI

KEWANGAN TELAH DISALURKAN UNTUK MEMASTIKAN
PERTANDINGANINI SUATU KENYATAAN.

SEKIAN, WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH, ASSALAMUALAIKUM
WRT. WBT. DAN SALAM SEJAHTERA.